

Jenis Akhbar : Berita Harian Online
Tarikh : 20/03/2019
Edisi / Muka surat : www.bharian.com.my
Tajuk : ANGKASA Bantu Kerajaan Jimat RM3.2 Bilion Setahun

ANGKASA Bantu Kerajaan Jimat RM3.2 Bilion Setahun



PRESIDEN ANGKASA, Datuk Fattah Abdullah (tengah) bersama sebahagian perwakilan sempena Persidangan ANGKASA Negeri Terengganu di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

KUALA TERENGGANU: Kerajaan dijangka dapat mengurangkan kebergantungan dan melakukan penjimatan sehingga RM3.2 bilion setahun bagi import jagung makanan ternakan melalui projek tanaman bijian berkenaan di seluruh negara, tahun ini.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk memulakan projek berkenaan yang dijangka menjana hasil sehingga RM51.2 juta setahun.

“Selama ini Malaysia banyak bergantung kepada import bagi produk jagung bijian yang perlu diproses sebagai makanan haiwan ternakan dengan nilai import melebihi RM3.2 bilion setahun.

“Projek ini juga bakal mewujudkan peluang pekerjaan baharu dan peluang sampingan yang boleh dibentuk oleh koperasi menerusi projek hiliran seperti pembekalan benih tempatan, menguruskan pusat pengumpulan secara komprehensif dan khidmat sokongan teknikal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas merasmikan Persidangan ANGKASA Terengganu di sini, hari ini.

Abdul Fattah berkata, ketika ini pihaknya sudah mengenal pasti tanah seluas 4,000 hektar di seluruh negara untuk pelaksanaan projek itu yang dijangka menelan kos keseluruhan RM28 juta.

Katanya, projek tanaman jagung makanan ternakan itu bukan saja akan memanfaatkan hampir 2,000 koperasi di seluruh negara, malah membantu kerajaan mengurangkan kos import untuk membawa masuk bahan makanan haiwan itu.

“Antara negeri yang kita sudah kenal pasti lokasi dan tanah yang sesuai ialah di Terengganu, Pahang dan Kedah untuk melaksanakan projek berkenaan dan sehingga kini 13 koperasi di seluruh negara sudah menyatakan persetujuan dengan kawasan seluas 1,400 hektar setakat ini.

“Kita sudah adakan perbincangan dengan kementerian dan dijangka menyerahkan senarai penuh koperasi berpotensi dan berkelayakan yang akan terbabit dalam projek ini pada Mei depan.

“Koperasi yang terbabit dalam projek ini akan mengusahakan tanah berkeluasan 10 hingga 20 hektar secara berkelompok untuk tanaman jagung makanan ternakan ini,” katanya.

Beliau berkata, projek berkenaan dijangka menghasilkan sehingga 20,000 tanaman jagung makanan ternakan menjelang 2020 yang akan memberikan pulangan lumayan kepada ahli koperasi yang terbabit.

Abdul Fattah berkata, proses penanaman jagung makanan ternakan itu mudah kerana membabitkan penggunaan jentera sepenuhnya dan tidak mudah terjejas oleh serangan makhluk perosak seperti serangga, selain tidak memerlukan penjagaan rapi kerana tanaman itu bersifat lasak dan tidak sensitif pada cuaca.

“Koperasi yang berminat mengusahakan tanaman ini bakal dibantu oleh barisan tenaga pakar yang dilantik, selain mendapat sokongan dan bantuan teknikal daripada kementerian seperti jentera dan peralatan tanaman,” katanya.